

21 DEC 1998
Mahkamah-Anwar (Saman)
PERMOHONAN ANWAR UNTUK PINDAH KES SAMAN DITOLAK

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menolak permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memindahkan kes saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pemecatannya daripada Kabinet pada 2 Sept lepas.

Hakim Datuk Mohamed Saari Yusoff berkata beliau dilantik oleh Hakim Besar Malaya Datuk Wan Adnan Ismail untuk mendengar kes itu mengikut Seksyen 20 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

"Sebenarnya kes ini menjadi satu beban tambahan kepada saya tetapi CJ Malaya telah mengarahkan saya mendengar kes ini awal-awal lagi atas alasan bahawa saya ialah Ketua Bahagian Sivil," kata beliau.

Mohamed Saari berkata, pada mulanya Wan Adnan memberi arahan itu secara lisan tetapi kemudian beliau menghantar surat dengan menyatakan arahan supaya beliau mendengar kes itu.

"Jadi, jika saya membenarkan permohonan untuk memindahkan kes ini ke mahkamah lain, ia melanggar atau bertentangan dengan arahan Hakim Besar Malaya. Oleh itu, permohonan untuk memindahkan kes tidak dibenarkan," katanya.

Selepas Mohamed Saari menyampaikan keputusannya, peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar bertanya sama ada terdapat alasan khusus tentang mengapa kes itu dipindahkan ke mahkamah yang disidangnya.

Mohamed Saari kemudian memberitahu Karpal bahawa sebabnya ialah beliau ialah hakim yang dilantik untuk mendengar kes berkenaan.

Anwar, 51, mengemukakan saman itu pada 13 Nov lalu yang mencabar kesahihan pemecatannya daripada Kabinet pada 2 Sept yang menurut beliau tidak mengikut perlembagaan. Beliau juga menamakan kerajaan Malaysia sebagai responden kedua.

Beliau memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah bercanggah dengan perlembagaan dan bahawa Dr Mahathir telah melanggar Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan apabila memecatnya daripada Kabinet.

Anwar mahu mahkamah mengisytiharkan bahawa pemecatannya adalah tidak sah dan batal serta tidak berkesan.

Anwar juga memohon satu lagi pengisytiharan bahawa beliau masih seorang menteri dalam Kabinet, kos dan relief lain yang difikirkan patut dan sesuai oleh mahkamah.

Pada 4 Dis, Peguam Negara mengemukakan permohonan untuk menyetujui permohonan Anwar atas alasan ia tidak menyatakan apa-apa sebab yang munasabah, menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Anwar kemudian afidavit sebagai jawapan sehari kemudian dengan menyatakan bahawa permohonan menimbulkan salah tanggapan.

Mahkamah kemudian mendengar permohonan oleh Peguam Kanan Persekutuan Datuk Zaitun Zauyah Puteh supaya saman Anwar diketepikan.

Beliau berhujah bahawa Seksyen 43 (5) Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibaca bersama Seksyen 40 (1A) yang menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak mengikut nasihat daripada Perdana Menteri.

Zaitun berkata surat yang dihantar oleh Perdana Menteri untuk memaklumkan kepada Anwar mengenai pemecatannya tidak melanggar Seksyen 43 (5) seperti didakwa oleh Anwar kerana keputusan itu telah dibuat, dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong yang memperkenankannya.

"Tidak ada kehendak undang-undang bahawa pelucutan jawatan diwartakan.

Apa yang perlu diikuti oleh Seksyen 43 (5) ialah pelucutan jawatan menteri dibuat oleh Agong atas nasihat Perdana Menteri, ianya tidak perlu digazetkan dan tidak ada format tertentu tentang pembatalan," kata beliau.

Zaitun memberitahu mahkamah bahawa tindakan membatalkan pelantikan Anwar telah sempurna oleh kerana keputusan oleh Perdana Menteri disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong yang kemudian memperkenakkannya.

Karpal Singh pula berhujah bahawa mengikut Seksyen 43 (5), Perdana Menteri cuma menasihati dan pemecatan harus dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Karpal Singh berkata apa yang berlaku dalam kes ini ialah sebaliknya. "Dalam kes ini, beliau (Dr Mahathir) berkata (dalam suratnya), Saya memecat awak (Anwar) dan Agong telah dimaklumkan."

"Jelaslah, susunan kata surat itu bercanggah dengan susunan kata dalam Seksyen 43 (5). Pemecatan itu harus disempurnakan oleh Agong, lainlah jika beliau (Dr Mahathir) sendiri telah menjadi Agong," kata beliau.

Beliau berkata Perdana Menteri tidak boleh bertindak untuk memecat atau menyingkirkan seseorang menteri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan mengikut Seksyen 43 (5), Agong-lah yang harus memecat Anwar.

"Afidavit oleh setiausaha Agong mengesahkan bahawa keputusan untuk memecat Anwar dibuat oleh Perdana Menteri dan bukan oleh Agong. Jadi, saya memohon supaya permohonan untuk mengetepikan saman itu ditolak dengan kos," kata Karpal.

Perbicaraan disambung pada 23 Dis.

-- BERNAMA

SBB FAZ